

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT – PKR ]**

**SOALAN (NO. 529)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat mana Program Parlimen Belia berkesan dalam membina keupayaan kepimpinan dan kesedaran demokrasi di kalangan Ahli-ahli Parlimen Belia. Bagaimana program Parlimen Belia ini dapat dimanfaatkan oleh para belia keseluruhannya.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia (PBM) telah berjaya menyerlahkan potensi kepimpinan di kalangan 133 orang Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) yang berumur di antara 18 sehingga 30 tahun.
2. Secara khususnya, pelaksanaan PBM telah menunjukkan impak positif kepada peserta dari aspek peningkatan pengetahuan terutamanya dari segi penyelidikan dalam penyediaan usul, mencadangkan idea yang bernas kepada pihak Kerajaan serta proaktif melaksanakan *engagement* dengan pelbagai agensi. APBM juga dapat menyerlahkan potensi, bakat, kualiti dan kemahiran kepimpinan dari segi perbincangan dan memahami proses penyediaan undang-undang serta sistem pentadbiran negara.
3. Program ini juga memberikan impak kepada peningkatan kualiti belia khususnya dalam memahami sistem pentadbiran Negara berdemokrasi, serta bagaimana sesuatu dasar dan polisi diluluskan dan dilaksanakan.
4. Selain daripada itu, APBM juga melaksanakan program di peringkat komuniti dan ini dapat meningkatkan jaringan kerjasama antara APBM dengan masyarakat dan lain-lain agensi selain memantapkan peranan APBM sebagai saluran untuk belia akar umbi menyampaikan cadangan dan pandangan berkaitan isu-isu

**SULIT**

pembangunan belia. Ini memberi manfaat kepada belia secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**SOALAN : 530**

**YB Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional memotong peruntukan biasiswa dan IPTA dalam keadaan Kerajaan menyatakan pendidikan diutamakan dan dalam masa yang sama peruntukan Jabatan Perdana Menteri pula ditambah.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Penajaan JPA tidak dipotong dan tetap diteruskan pada tahun ini bagi pengajian peringkat ijazah pertama di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara. Malahan, menerusi pembentangan semakan Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari 2016, Kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM160 juta bagi membiayai penawaran penajaan baharu tahun 2016 demi memastikan kesinambungan pembangunan modal insan negara tidak terjejas.

Penjelasan terperinci mengenai Model Baharu Penajaan JPA 2016 telah dikeluarkan oleh JPA melalui kenyataan akhbar bertarikh 5 April 2016.

Sekian. Terima kasih.